

**Sorotan Kajian Literatur Bersistematis: Manhaj Akidah, Fiqah dan Tasawuf Tarekat Ahmadiyah Sayyid Ahmad Ibn Idrīs**  
*A Systematic Literature Review: The Doctrinal Approaches of Creed, Jurisprudence and Sufism in the Ahmadiyah Tariqah of Sayyid Ahmad Ibn Idrīs*

Ahmad Syahmi Ahmad Mohtari Yasim,<sup>1</sup>  
Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman<sup>2</sup>

**ABSTRAK**

*Artikel ini meneliti manhaj akidah, fiqah, dan tasawuf Tarekat Ahmadiyah yang dipelopori oleh Sayyid Ahmad ibn Idrīs. Hal ini kerana beliau mempunyai keistimewaan yang tersendiri, pendirian beliau terhadap akidah, fiqah, dan tasawuf agak unik dan berbeza dengan manhaj tarekat yang lain. Oleh sebab itulah, beliau dikenali sebagai Tokoh Reformasi kerana mereformasikan beberapa doktrin tarekat yang dianuti turun-temurun oleh tarekat yang muncul sebelumnya. Oleh yang demikian, penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji literatur sedia ada bagi mengenal pasti manhaj tarekat tersebut. Metodologi kajian ini mengaplikasikan pendekatan Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses (PRISMA) agar memastikan penyaringan literatur ini dilaksanakan secara lebih bersistematis. Sebanyak sembilan literatur lepas telah dipilih untuk dijalankan proses analisis. Hasil penelitian menunjukkan bahawa Sayyid Ahmad ibn Idrīs lebih cenderung kepada akidah Salaf sementara dari segi fiqah, beliau bermazhab Mālikī pada urusan adat dan bermazhab Muḥaddithīn pada urusan ibadat. Adapun dari sudut tasawuf, beliau sendiri mempelopori Tarekat Ahmadiyah sebagai jalan untuk mencapai hakikat tasawuf. Prinsip beliau ini sekaligus menjadi pedoman bagi pengikut Tarekat Ahmadiyah kerana beliau adalah perintisnya. Penemuan ini menunjukkan bahawa pembaharuan yang diperkenalkan oleh Sayyid Ahmad ibn Idrīs telah memperkayakan khazanah ilmiah dan rohaniah Islāmiyyah dan memperluaskan lagi spektrum pengertian sufisme serta praktiknya dalam tradisi kesufian.*

**Kata Kunci:** Manhaj, Tarekat Ahmadiyah, Sayyid Ahmad ibn Idrīs, Sorotan Literatur Bersistematis

**ABSTRACT**

*This article examines the creed, jurisprudence, and sufism methodology of the Ahmadiyah Order pioneered by Sayyid Ahmad ibn Idrīs. His unique stance on these aspects distinguishes him from other tariqahs. Thus, he is known as a Reformist figure for his efforts in reforming several doctrines traditionally adhered to by previous tariqahs. Consequently, this research aims to review existing literature to identify the methodology of this order. The research methodology employs the Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses (PRISMA) approach to ensure a systematic literature screening process. A total of nine past literatures have been selected for analysis. The findings indicate that Ibn Idrīs inclined towards the Salaf creed, while in terms of jurisprudence, he adhered to the Mālikī school in matters of customs and the Muḥaddithīn school in matters of worship. In terms of sufism, he pioneered the Ahmadiyah Tariqah as a path to achieving the essence of sufism. His principles have become a guiding light for the followers of the Ahmadiyah Order, as he is its pioneer. These findings demonstrate that the innovations introduced by him have enriched the Islamic scholarly and spiritual heritage and broadened the spectrum of Sufi understanding and practice within the Sufi tradition.*

**Keywords:** Methodology, Ahmadiyah Tariqah, Sayyid Ahmad ibn Idrīs, Systematic Literature Review

---

<sup>1</sup> Pelajar Ijazah Sarjana. Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia. 22065790@siswa.um.edu.my.

<sup>2</sup> Profesor Madya. Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia. smhilmi@um.edu.my.

## PENGENALAN

Tarekat merupakan suatu bidang yang berasaskan kepada penyucian zahir dan batin manusia.<sup>3</sup> Proses penyucian ini dipimpin oleh seorang syeikh.<sup>4</sup> Pada era roh manusia yang semakin haus dan dahaga akan cinta ilahi ini, Tarekat Ahmadiyyah muncul sebagai salah satu pilihan utama daripada pelbagai aliran tarekat yang ada dalam dunia kerohanian Islam bagi menuntun mereka ke arah hakikat Ihsan yang disebutkan oleh Baginda Nabi SAW:

قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِحْسَانِ. قَالَ: أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ.

Terjemahan: “Dia [Malaikat Jibrīl] berkata, ‘Beritahulah kepadaku tentang Ihsan.’ Baginda menjawab, ‘Hendaklah engkau beribadah kepada Allah seolah-olah engkau melihat-Nya. Sekiranya engkau tidak dapat melihat-Nya, sesungguhnya Dia melihatmu.’”<sup>5</sup>

Tarekat Ahmadiyyah ini merupakan tarekat yang dipelopori oleh salah seorang tokoh sufi agung umat ini, iaitu Sayyid Ahmad ibn Idrīs. Beliau dilahirkan pada 21 Rejab 1163 Hijrah bersamaan 1750 Masihi di sebuah desa bernama Mzoura yang berlokasi di daerah ‘Ara’ish (Larache), Maghribi.<sup>6</sup> Beliau wafat ketika usia beliau genap 90 tahun *Qamariyyah* iaitu pada 21 Rejab 1253 Hijrah bersamaan 1837 Masihi dan jasadnya disemadikan di Sabya, Yaman (kini di bawah pemerintahan kerajaan Arab Saudi).<sup>7</sup> Sepanjang kehidupan beliau, beliau telah mempelajari pelbagai ilmu syariat sehingga mampu menguasai kesemua ilmu tersebut dengan baik dan mantap. Ini sebagaimana yang diperakui oleh murid kanannya Sayyid Muhammad ‘Uthmān al-Mirghanī, yang juga merupakan salah seorang *akābir al-ulamā’* (tokoh pembesar ulama) pada zamannya. Beliau menyebutkan bahawa:

وَأَمَّا الْفِئَةُ فَقَدْ حَقَّقَ وَأَتَقَنَ جُمْلَةَ الْمَذَاهِبِ الْأَرْبَعَةِ وَغَيْرَهَا مِنَ السَّبْعِينَ الْمُنْدَرَسَةِ.

Terjemahan: “Adapun dalam bidang fiqah, beliau [Sayyid Ahmad ibn Idrīs] telah benar-benar *taḥqīq* dan mendalami mazhab yang empat dan selainnya daripada 70 mazhab yang telah terkubur.”<sup>8</sup>

Beliau bukan sahaja menguasai ilmu syariat, bahkan juga mengungguli dalam ilmu hakikat dan makrifat. Ini seumpama yang dinyatakan oleh Muhammad Fuad Kamaludin yang menyebutkan bahawa Sayyid Ahmad ibn Idrīs telah membidangi dan menyelami lebih 70

<sup>3</sup> Ṣāliḥ bin Muḥammad al-Ja’farī, *al-Ilhām al-Nāfi’ li-Kulli Qāṣid ‘ala Risālat al-Qawā’id: Ilham Bermanfaat bagi Setiap yang Berhasrat Memahami Risalah Qawa’id Sayyidi Ahmad ibn Idris*, terj. Muhammad Fuad Kamaludin (Rembau: Institut Imam Ahmad ibn Idris, 2021), 1:196.

<sup>4</sup> Mohammad Fahmi Abdul Hamid, “Analisis Hadith Mengenai Zikir Dalam Al-Kutub al-Sittah: Pengamalan Dalam Majlis Zikir Tarekat Tasawuf Di Negeri Sembilan” (Tesis kedoktoran, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 2019), 1.

<sup>5</sup> Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ (Ṣaḥīḥ Muslim)* (Beirut: Dār Ṭawq al-Najāh, 1433H), 1:28 (Kitāb al-Imān, no. hadith 8).

<sup>6</sup> Muhammad Fuad Kamaludin, *Min Turāth al-Imām Ahmad ibn Idrīs* (Ampang: Institut Imam Ahmad ibn Idris, 2023), 55-56.

<sup>7</sup> *Ibid.*, 93; dan Muhammad Fuad Kamaludin, *al-Khulāṣah fī al-Awrād al-Ahmadiyyah: Khulasah Aurad Ahmadiyah: Amalan Siang & Malam Tarekat Ahmadiyah Muhammadiyah* (Rembau: Institut Imam Ahmad ibn Idris, 2021), 890.

<sup>8</sup> Muhammad Fuad Kamaludin, *Tuhfat al-Sālikīn bi-Ṭarā’iq al-Arba’in: Bingkisan Para Salik dengan 40 Tarekat* (t.tp.: Institut Imam Ahmad ibn Idris, 2022), 5–6.

*masyrab rūhī* (tarekat).<sup>9</sup> Penguasaan ilmu beliau yang menyeluruh sama ada dalam ilmu syariat mahupun hakikat serta mempunyai hati rabbani yang suci lagi jernih telah melayakkan beliau untuk mempelopori sebuah tarekat yang diberi nama Tarekat Ahmadiyah. Kemasyhuran tarekat ini yang pada asalnya muncul di Fes, Maghribi telah berjaya merentasi benua dan tersebar di puluhan buah negara serta turut berlabuh di Tanah Melayu yang dibawa masuk oleh Tuan Tabal, Khalifah Pertama Tarekat Ahmadiyah di Alam Melayu.<sup>10</sup> Hasilnya, Tarekat Ahmadiyah telah menjelma sebagai salah satu daripada tiga tarekat terbesar yang diamalkan oleh rakyat Malaysia sebagaimana yang diiktiraf oleh Profesor Diraja Tan Sri Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas.<sup>11</sup>

Populariti Tarekat Ahmadiyah telah menarik perhatian ramai cendekiawan Islam bagi mengenali lebih lanjut tentang Sayyid Ahmad ibn Idrīs, empunya Tarekat Ahmadiyah. Tambahan pula, Sayyid Ahmad ibn Idrīs ini terkenal sebagai Tokoh Reformasi ataupun Tokoh Islah kerana telah mereformasikan beberapa doktrin tarekat yang dianuti dan *dii tiqādkan* turun-temurun selama ini oleh tarekat yang muncul sebelumnya.<sup>12</sup> Hal ini kerana terdapat beberapa manhaj tasawuf yang diamalkan oleh tarekat yang muncul sebelumnya tidak dipersetujui atau ditelusuri oleh beliau.<sup>13</sup> Tarekat Ahmadiyah yang digagaskan oleh beliau menjadi bukti nyata bagaimana pembaharuan yang dibawa oleh beliau diterima dan diamalkan secara meluas. Sejarah juga merekodkan bahawa dengan kemunculan tarekat beliau, dunia kesufian kembali hidup dengan pesat setelah lama suram dan menyepi kerana majoriti negara umat Islam ketika itu sudah mulai melemah dek ancaman penjajahan Barat<sup>14</sup> dan terdapat sebilangan kaum sufi yang tidak berkecimpung dalam doktrin tasawuf falsafi.<sup>15</sup>

Kebiasaan apabila disebutkan Tarekat Ahmadiyah, kebanyakan orang terutama yang bukan pengikut Tarekat Ahmadiyah hanya mengenalinya sebagai sebuah kumpulan untuk berzikir sahaja dan paling tidak pun, mereka hanya mengetahui zikir tarekat yang paling asas seperti *al-Dhikr al-Makhšūš*, *al-Ṣalāt al-‘Azīmiyyah* dan *al-Istighfār al-Kabīr*. Sebenarnya, Tarekat Ahmadiyah melebihi dan menjangkau daripada sangkaan itu kerana tarekat ini juga

---

<sup>9</sup> *Ibid.*

<sup>10</sup> W. Mohd Azam Mohd Amin, “Reforming Sufism in Malaya: The Teachings of Tuan Tabal and His Followers,” *Intellectual Discourse* 21, no. 1 (2013): 89.

<sup>11</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Some Aspects of Sufism: As Understood and Practised Among the Malays* (Kuala Lumpur: Ta’dib International Sdn. Bhd., 2020), 33.

<sup>12</sup> R. S. O’Fahey, *Enigmatic Saint: Ahmad ibn Idris and the Idrisi Tradition* (Illinois: Northwestern University Press, 1990), 1; Ahmad bin Muṣṭafā al-Idrīsī, *Tokoh Ulama’ Sufi Imam Ahmad ibn Idris*, terj. Muhammad Fuad Kamaludin (Ampang: Institut Imam Ahmad ibn Idris, 2023), 196–197; dan Hamdan Hassan, *Tarekat Ahmadiyah di Malaysia: Suatu Analisis Fakta secara Ilmiah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990), x.

<sup>13</sup> *Ibid.*, 26.

<sup>14</sup> *Ibid.*, 18.

<sup>15</sup> Che Zarrina Sa’ari, “Biografi Shaikh Ahmad b. Idris dan Sumbangannya terhadap Alam Kesufian,” *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 1, no. 1 (2000): 36. Tasawuf falsafi adalah tasawuf yang mengintegrasikan dua disiplin ilmu iaitu tasawuf dan falsafah untuk menuju kepada tingkatan yang lebih tinggi dalam mengenal Allah SWT (makrifatullah). Tasawuf menitikberatkan aspek *dhawq*, iaitu rasa atau emosi, manakala falsafah menitikberatkan aspek akal iaitu rasional atau intelek. Tokoh-tokoh yang mengedepankan tasawuf falsafi ini adalah antaranya Imam Abū Yazīd al-Buṣṭāmī, Imam al-Suhrawardī, Syeikh Muhyī al-Dīn ibn ‘Arabī, al-Ḥallāj dan sebagainya. Antara tema yang terkenal dalam perbincangan ini adalah *ittihād*, *ḥulūl*, *fanā*, *baqā*, *waḥdat al-wujūd* dan sebagainya. Perbincangan ini memerlukan ulama sufi yang berkeahlian dalam menjelaskan tema-tema tersebut kerana sangat bahaya dari segi akidah sekiranya diterima secara mentah-mentah oleh orang awam yang lemah pegangan keimanannya. Rujuk M. Tatam Wijaya, “Menenal Tasawuf Amali dan Falsafi (2),” NU Online (Nahdlatul Ulama Indonesia), 19 Januari 2023, <https://islam.nu.or.id/tasawuf-akhlak/mengenal-tasawuf-amali-dan-falsafi-2-QSZEJ>.

mempunyai madrasah yang syumul dan sempurna untuk mentarbiah, mendidik dan membimbing pengikutnya kepada Allah SWT. Dalam madrasah pentarbiahan yang diasaskan oleh Sayyid Ahmad ibn Idrīs ini, diajarkan Tiga Asas atau Maqam yang meliputi keseluruhan tiga rukun agama iaitu Iman, Islam dan Ihsan atau juga dikenali sebagai ilmu Akidah, Fiqah dan Tasawuf.<sup>16</sup> Tiga Maqam tersebut ialah:

1. Akidah yang sahih (صِحَّةُ الْعَقِيدَةِ)
2. Ibadah yang baik (حُسْنُ الْعِبَادَةِ)
3. Pergaulan yang baik dan akhlak yang mulia (حُسْنُ الْمُعَامَلَةِ وَمَكَارِمُ الْأَخْلَاقِ).<sup>17</sup>

Namun begitu, terdapat kekurangan literatur yang membahaskan ketiga-tiga manhaj ini secara sistematik. Meskipun sudah muncul beberapa kajian terdahulu yang telah membahaskan manhaj tarekat ini, namun melalui tinjauan pengkaji, masih belum ditemui kajian yang mengaplikasikan pendekatan bersistematis seumpama PRISMA dalam memahami ketiga-tiga manhaj tarekat ini secara mendalam dan menyeluruh. Oleh yang demikian, penyelidikan kali ini bertujuan untuk menjalankan *Systematic Literature Review* (SLR) bagi mengenal pasti manhaj akidah, fiqah dan tasawuf Tarekat Ahmadiyah, Sayyid Ahmad ibn Idrīs.

## METODOLOGI

Metodologi kajian ini mengaplikasikan pendekatan *Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses* (PRISMA) agar memastikan penyaringan literatur ini dilaksanakan secara lebih teratur dan bersistematis. PRISMA memastikan bahawa setiap literatur yang dipilih adalah berkualiti dan relevan, sekali gus meningkatkan ketepatan dapatan kajian. Selain itu, proses penyaringan melalui PRISMA didokumentasikan dengan jelas, menggunakan carta alir yang menunjukkan setiap langkah, dari identifikasi hingga pemilihan akhir. Ini membantu mengurangkan *bias* dan memastikan setiap literatur dinilai secara adil dan konsisten. PRISMA juga membantu penyelidik menguruskan data dengan lebih teratur, terutama dalam kajian yang melibatkan konsep yang kompleks seperti manhaj akidah, fiqah, dan tasawuf. Metode ini diakui sebagai standard emas dalam kajian literatur kerana mampu meningkatkan kualiti penyelidikan.<sup>18</sup> Oleh itu, PRISMA dipilih untuk memastikan kajian ini dijalankan dengan teliti, terstruktur, dan boleh dipercayai.

## STRATEGI PEMILIHAN LITERATUR BERSISTEMATIK


Terdapat empat proses utama yang terlibat dalam proses strategi pemilihan literatur secara bersistematis iaitu mengenal pasti (*identification*), saringan (*screening*), kelayakan (*eligibility*) dan penyertaan (*inclusion*). Berikut merupakan carta alir yang memaparkan keseluruhan proses dalam memilih literatur yang berkaitan dengan tujuan kajian ini, iaitu bermula daripada peringkat pengenalanpastian sehinggalah kepada peringkat penyertaan.

<sup>16</sup> Tiga rukun agama iaitu Iman, Islam dan Ihsan ini diambil berdasarkan Hadith Jibrīl yang masyhur. Rujuk Muhadir Joll, *Nūr al-Fahm: Nur al-Fahmi Cahaya Kefahaman Asas-Asas Fardhu Ain Merangkumi Ilmu Tauhid, Feqah & Tasawuf* (Petaling Jaya: Galeri Ilmu Sdn. Bhd., 2023), ix.

<sup>17</sup> Muhammad Fuad Kamaludin, *Min Turāth al-Imām Ahmad ibn Idrīs*, 103-107.

<sup>18</sup> Muhamad Zahir Abu Bakar dan Rosnah Ishak, "Pelaksanaan Komuniti Pembelajaran Profesional: Suatu Kajian Sorotan Literatur Bersistematis," *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 10, no. 4 (2023): 78–79.

Carta Alir 1: Proses Sorotan Literatur Bersistematik Manhaj Akidah, Fiqah, dan Tasawuf Tarekat Ahmadiyah Sayyid Ahmad Ibn Idrīs



## Pengenalpastian (*Identification*)

Peringkat pengenalpastian merupakan peringkat bagi mengenal pasti literatur yang membahaskan tentang manhaj akidah, fiqah, dan tasawuf Tarekat Ahmadiyyah yang dipelopori oleh Sayyid Ahmad ibn Idrīs. Peringkat ini dimulai dengan mencari literatur sedia ada dengan menggunakan pangkalan data seperti Google Scholar, JSTOR, dan Pendeta Discovery. Senarai lengkap kata kunci yang digunakan dalam peringkat ini dicatat dalam Jadual 1. Pengkaji tidak menggunakan kata kunci manhaj akidah, fiqah dan tasawuf kerana memadai sahaja dengan memasukkan nama tarekat dan pemilik tarekat tersebut. Ini kerana manhaj akidah, fiqah dan tasawuf lazimnya tidak disebut secara eksplisit pada tajuk kajian, tetapi cendekiawan terdahulu lebih menggemari untuk mengedepankan nama tarekat dan pelopornya sahaja pada tajuk kajian mereka.

Pengkaji juga tidak menetapkan sebarang tempoh masa dalam pemilihan literatur kerana literatur yang lebih lama masih memberi sumbangan yang berharga dan maklumat yang penting kepada kajian ini. Literatur klasik tersebut masih mempunyai kelebihan yang tersendiri disamping memperkayakan lagi perbahasan dan meluaskan lagi perspektif kajian ini. Namun begitu, pengkaji masih lagi memberi keutamaan kepada hasil kajian yang terkini supaya maklumat yang dibentangkan adalah relevan dengan keadaan semasa. Begitu juga pengkaji tidak mengecualikan kajian dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab, malah turut memberi kelayakan yang sama kepada mereka sebaris dengan kajian dalam Bahasa Malaysia. Menerusi hasil pencarian tersebut, terdapat 3789 literatur yang didapati mempunyai kaitan dan tautan dengan Tarekat Ahmadiyyah dan Sayyid Ahmad ibn Idrīs.

Selain pencarian literatur melalui pangkalan data tersebut, kajian ini turut memuatkan karya-karya yang diterbitkan oleh pihak Institut Imam Ahmad ibn Idrīs yang diasaskan oleh Dato' Syeikh Muhammad Fuad Kamaludin. Beliau merupakan tokoh penting dalam tarekat ini iaitu sebagai Syeikh Tarekat Ahmadiyyah Asia. Kitab-kitab yang beliau terbitkan tidak ditemui dalam mana-mana pangkalan data yang disebutkan sebelum ini, namun berdasarkan pengalaman pengkaji menyertai Tarekat Ahmadiyyah dibawah pentarbiahan beliau, terdapat lima buah buku terbitan beliau mempunyai maklumat yang relevan dengan tumpuan kajian ini. Malahan, karya-karya yang beliau hasilkan juga merupakan terbitan baharu serta memberikan banyak maklumat dan info penyelidikan yang terkini. Hal ini kerana beliau merupakan antara tokoh tarekat ini yang masih lagi bergiat aktif sehingga ke hari ini dalam mengarang, menterjemah, *mentahqiq*, mensyarah, dan menerbitkan kitab-kitab berkenaan Sayyid Ahmad ibn Idrīs dan Tarekat Ahmadiyyah.

Jadual 1: Pangkalan Data, Kata Kunci, dan Jumlah Hasil Pencarian yang Diperoleh

Pangkalan Data	Kata Kunci	Jumlah Carian
Google Scholar	<b>Nama Tarekat</b> Bahasa Malaysia: "Tarekat Ahmadiyyah" OR "Tarekat Idrisiyyah"	161
	Bahasa Inggeris: "Ahmadiyya Order" OR "Idrisiyya Order"	77
	Bahasa Arab: "الطريقة الأحمدية" OR "الطريقة الإدريسية"	9
	<b>Nama Pelopor</b> Bahasa Malaysia dan Inggeris:	2420

	“Ahmad ibn Idris” OR “Ahmad bin Idris” OR “Ahmad b. Idris”	
	Bahasa Arab: “أحمد بن إدريس”	481
<b>JSTOR</b>	<b>Nama Tarekat</b> Bahasa Malaysia: “Tarekat Ahmadiyyah” OR “Tarekat Idrisiyyah”	2
	Bahasa Inggeris: “Ahmadiyya Order” OR “Idrisiyya Order”	24
	Bahasa Arab: “الطريقة الأحمدية” OR “الطريقة الإدريسية”	0
	<b>Nama Pelopor</b> Bahasa Malaysia dan Inggeris: “Ahmad ibn Idris” OR “Ahmad bin Idris” OR “Ahmad b. Idris”	388
	Bahasa Arab: “أحمد بن إدريس”	0
<b>Pendeta Discovery</b>	<b>Nama Tarekat</b> Bahasa Malaysia: “Tarekat Ahmadiyyah” & “Tarekat Idrisiyyah”	17
	Bahasa Inggeris: “Ahmadiyya Order” & “Idrisiyya Order”	1
	Bahasa Arab: “الطريقة الأحمدية” & “الطريقة الإدريسية”	11
	<b>Nama Pelopor</b> Bahasa Malaysia dan Inggeris: “Ahmad ibn Idris”, “Ahmad bin Idris” & “Ahmad b. Idris”	153
	Bahasa Arab: “أحمد بن إدريس”	45
<b>Jumlah</b>		<b>3789</b>

### **Saringan (Screening)**

Selanjutnya, pengkaji menyaring hasil carian tersebut dengan memilih literatur yang mempunyai perbincangan mengenai manhaj akidah, fiqah, dan tasawuf Tarekat Ahmadiyyah Sayyid Ahmad ibn Idris dan mengecualikan literatur yang membahaskan mengenai manhaj Tokoh Tarekat Ahmadiyyah yang lain. Meskipun memakan masa yang lebih panjang dan memerlukan ketekunan yang tinggi, saringan ini perlu dilakukan secara manual memandangkan penapisan menggunakan kata kunci sahaja berisiko untuk terlepas akan kajian penting dan berpotensi untuk mengecualikan kajian yang mengandungi perbincangan yang relevan dengan fokus kajian. Hasil saringan pada peringkat ini mendapati bahawa terdapat lima literatur sahaja yang layak melepasi ke peringkat seterusnya.

Jadual 2: Pangkalan Data, Kata Kunci, Jumlah Carian, dan Hasil Saringan

Pangkalan Data	Kata Kunci	Jumlah Carian	Hasil Saringan
Google Scholar	<b>Nama Tarekat</b> Bahasa Malaysia: “Tarekat Ahmadiyyah” OR “Tarekat Idrisiyyah”	161	0
	Bahasa Inggeris: “Ahmadiyya Order” OR “Idrisiyya Order”	77	1
	Bahasa Arab: “الطريقة الأحمدية” OR “ الطريقة الإدرسية”	9	0
	<b>Nama Pelopor</b> Bahasa Malaysia dan Inggeris: “Ahmad ibn Idris” OR “Ahmad bin Idris” OR “Ahmad b. Idris”	2420	1
	Bahasa Arab: “أحمد بن إدريس”	481	1
JSTOR	<b>Nama Tarekat</b> Bahasa Malaysia: “Tarekat Ahmadiyyah” OR “Tarekat Idrisiyyah”	2	0
	Bahasa Inggeris: “Ahmadiyya Order” OR “Idrisiyya Order”	24	0
	Bahasa Arab: “الطريقة الأحمدية” OR “ الطريقة الإدرسية”	0	0
	<b>Nama Pelopor</b> Bahasa Malaysia dan Inggeris: “Ahmad ibn Idris” OR “Ahmad bin Idris” OR “Ahmad b. Idris”	388	1
	Bahasa Arab: “أحمد بن إدريس”	0	0
Pendeta Discovery	<b>Nama Tarekat</b> Bahasa Malaysia: “Tarekat Ahmadiyyah”, “Tarekat Idrisiyyah”	17	1
	Bahasa Inggeris: “Ahmadiyya Order”, “Idrisiyya Order”	1	0
	Bahasa Arab: “الطريقة الأحمدية”, “ الطريقة الإدرسية”	11	0
	<b>Nama Pelopor</b> Bahasa Malaysia dan Inggeris: “Ahmad ibn Idris” OR “Ahmad bin Idris” OR “Ahmad b. Idris”	153	0
	Bahasa Arab: “أحمد بن إدريس”	45	0
<b>Jumlah</b>		<b>3789</b>	<b>5</b>



### **Kelayakan (*Eligibility*)**

Hasil daripada peringkat saringan, sebanyak lima literatur sahaja yang layak untuk dijadikan sebagai dapatan kajian. Pada peringkat ini juga, pengkaji turut menilai sama ada terdapat literatur yang berulang. Maka penelitian mendapati bahawa jumlah sebenar literatur yang layak untuk dijadikan sebagai dapatan kajian adalah empat sahaja. Pengkaji juga memuatkan karya-karya yang diterbitkan oleh Muhammad Fuad Kamaludin sebagaimana yang telah disebutkan pada peringkat pengenalpastian yang lalu. Kitab-kitab yang beliau terbitkan tidak ditemui dalam mana-mana pangkalan data yang disebutkan sebelum ini, namun berdasarkan pengalaman pentelaahan pengkaji sebelum ini, terdapat lima buah buku terbitan beliau mempunyai maklumat yang relevan dengan mengenai manhaj akidah, fiqah, dan tasawuf Tarekat Ahmadiyah Sayyid Ahmad ibn Idris. Karya-karya ini turut membantu dalam memperkayakan lagi perbincangan dan melebarkan lagi spektrum perbincangan kajian ilmiah ini.

### **Penyertaan (*Inclusion*)**

Hasil daripada peringkat kelayakan sebelum ini, hanya sembilan literatur sahaja yang memenuhi kriteria dan digunakan dalam penyelidikan ini. Kesembilan-sembilan literatur ini dipilih (*included*) kerana membahaskan secara langsung tentang manhaj akidah, fiqah, dan tasawuf Tarekat Ahmadiyah Sayyid Ahmad ibn Idris, sejajar dengan objektif kajian. Sebaliknya, literatur yang membahaskan mengenai manhaj Tokoh Tarekat Ahmadiyah yang lain ataupun manhaj tokoh tarekat yang lain dikecualikan (*excluded*) daripada dimasukkan dalam penelitian ini. Kaedah ini diambil bagi memastikan dapatan kajian ini adalah sentiasa berkualiti, tepat, dan relevan dengan objektif penyelidikan.

## **DAPATAN KAJIAN**

Dapatan kajian ini berdasarkan kepada persoalan kajian iaitu: Apakah manhaj akidah, fiqah, dan tasawuf Tarekat Ahmadiyah Sayyid Ahmad ibn Idris? Dapatan kajian ini disusun secara tematik iaitu bermula dengan manhaj akidah, kemudiannya disusuli dengan manhaj fiqah, dan diakhiri dengan manhaj tasawuf.

Jadual 3: Sorotan Literatur Bersistematik Manhaj Akidah, Fiqah, dan Tasawuf Tarekat Ahmadiyah Sayyid Ahmad ibn Idris

<b>Bil.</b>	<b>Pengarang</b>	<b>Tahun</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Dapatan Kajian</b>
<b>1</b>	Muhammad ‘Alī Ahmad ‘Alī	2023	al-Şifāt wa Mawqif al-Imām Ahmad ibn Idrīs minhā	Sayyid Ahmad ibn Idrīs berakidah dengan akidah Salaf dan <i>tafwīd</i> (menyerahkan) <i>nusūṣ mutashābihāt</i> .
<b>2</b>	R. S. O’Fahey	1990	Enigmatic Saint: Ahmad ibn Idris and the Idrisi Tradition	Sayyid Ahmad ibn Idrīs menolak ilmu kalam.
<b>3</b>	Ahmad bin Muşţafā al-Idrīsī (Terj. Muhammad Fuad Kamaludin)	2023	Tokoh Ulama’ Sufi Imam Ahmad ibn Idris	Sayyid Ahmad ibn Idrīs bertaklid dengan Mazhab Imam Mālik dalam urusan adat, dan <i>ittibā’</i> (mengikut) Mazhab Muḥaddithīn dalam urusan ibadat.

4	Che Zarrina Sa'ari	2000	Biografi Shaikh Ahmad b. Idris dan Sumbangannya terhadap Alam Kesufian	Sumber hukum utama bagi Sayyid Aḥmad ibn Idrīs ialah al-Quran dan Sunnah. Mengenai <i>ijmā'</i> , qiyas dan <i>qawl al-ṣaḥābī</i> , beliau turut menerimanya sekiranya sumber-sumber tersebut terbukti berasal daripada Nabi Muḥammad SAW.
5	Muhammad Fuad Kamaludin	2023	Min Turāth al-Imām Aḥmad ibn Idrīs	Tarekat Aḥmadiyyah mempunyai kaedah solat mereka yang tersendiri. Kaedah ini diambil berdasarkan ijthad Sayyid Aḥmad ibn Idrīs ketika beliau mensyarahkan Hadith Nabi SAW: "Solatlah kamu sebagaimana kamu melihat saya solat."
6	Hamdan Hassan	1990	Tarekat Ahmadiyyah di Malaysia: Suatu Analisis Fakta secara Ilmiah	Perhimpunan dengan Nabi Muḥammad SAW secara <i>yaqazah</i> menjadi salah satu objektif utama yang ingin dicapai dalam perjalanan kerohanian Tarekat Aḥmadiyyah.
7	Muhammad Fuad Kamaludin	2024	al-Sa'ādah al-Abadiyyah fī al-Ijāzāt al-Aḥmadiyyah: Kebahagiaaan Abadi pada Ijazah Ahmadiyah	Tarekat Aḥmadiyyah juga menitikberatkan berkenaan soal sanad dan ijazah tarekat.
8	Muhammad Fuad Kamaludin	2024	al-Minḥah al-Aḥadiyyah fī Muqaddimah al-Durrah al-Fardiyyah: Anugerah Maha Esa pada Muqaddimah Permata Unggul	Al-Quran al-Karim merupakan wirid terpenting bagi Tarekat Aḥmadiyyah. Adapun <i>al-Dhikr al-Makḥṣūs</i> , <i>al-Ṣalāt al-'Azīmiyyah</i> , dan <i>al-Istighfār al-Kabīr</i> merupakan asas dan sebesar-besar wirid bagi tarekat ini. Begitu juga rabitah dan <i>khalwah</i> merupakan antara manhaj utama tarekat ini.
9	Ṣāliḥ bin Muḥammad al-Ja'farī (Terj. Muhammad Fuad Kamaludin)	2021	al-Ilhām al-Nāfi' li Kulli Qāṣid 'ala Risālat al-Qawā'id: Ilham Bermanfaat bagi Setiap yang Berhasrat Memahami	Kaedah Empat merupakan kaedah penting dalam Tarekat Aḥmadiyyah. Empat Kaedah tersebut adalah muhasabah, ikhlas,

			Risalah Qawa'id Sayyidi Ahmad ibn Idris	rahmah, dan kemuliaan akhlak.
--	--	--	---	-------------------------------

Berpandukan kepada sorotan kajian yang dilaksanakan, kajian daripada Muḥammad 'Alī Aḥmad 'Alī mendapati bahawa Sayyid Aḥmad ibn Idrīs lebih cenderung kepada akidah Salaf dalam memahami asas ilmu akidah. Beliau juga didapati lebih condong ke arah pendirian Salaf ketika berinteraksi dengan nas-nas *mutashābihāt*. Hal ini kerana Sayyid Aḥmad ibn Idrīs menuruti kaedah Salaf yang menetapkan lafaz *mutashābihāt* beserta menyucikan maknanya daripada menyerupai makhluk seterusnya *tafwīd* (menyerahkan) urusan makna sebenar nas tersebut kepada Allah SWT kerana hanya Allah SWT sahaja yang Maha Mengetahui hakikat makna nas tersebut.<sup>19</sup> Selain itu, R. S. O'Fahey yang merupakan seorang Sarjana Barat yang sangat mencintai dalam meneliti khazanah pemikiran, ilmiah dan rohaniah warisan Sayyid Aḥmad ibn Idrīs menyifatkan Sayyid Aḥmad ibn Idrīs dalam karya unggulnya, *Enigmatic Saint* sebagai seorang ahli sufi yang tidak mesra dengan ilmu kalam.<sup>20</sup>

Manakala dari segi fiqah pula, Muhammad Fuad Kamaludin dalam bahagian lampiran *Tokoh Ulama' Sufi Imam Ahmad ibn Idris* terjemahan bagi karya Aḥmad bin Muṣṭafā al-Idrīsī, beliau menyatakan bahawa Sayyid Aḥmad ibn Idrīs bertaklid dengan Mazhab Imam Mālik dalam perkara adat, dan *ittibā'* (mengikuti) Mazhab Muḥaddithīn dalam perkara ibadat.<sup>21</sup> Adapun dari sudut *maṣādir al-aḥkām*, sumber hukum utama bagi Sayyid Aḥmad ibn Idrīs ialah al-Quran dan Sunnah. Mengenai *ijmā'*, qiyas dan *qawl al-ṣaḥābī*, beliau turut menerimanya sekiranya sumber-sumber tersebut terbukti berasal daripada Nabi Muḥammad SAW, sebagaimana yang dinyatakan oleh Che Zarrina Sa'ari.<sup>22</sup> Di samping itu, berdasarkan kepada apa yang dapat difahami daripada penulisan Muhammad Fuad Kamaludin dalam karyanya *Min Turāth al-Imām Aḥmad ibn Idrīs*, bahawa Tarekat Aḥmadiyyah mempunyai kaedah solat mereka yang tersendiri. Kaedah ini diambil berdasarkan ijthad Sayyid Aḥmad ibn Idrīs ketika beliau mensyarahkan Hadith Nabi SAW:

صَلُّوا كَمَا رَأَيْتُمُونِي أُصَلِّي .

Terjemahan: "Solatlah kamu sebagaimana kamu melihat saya solat."<sup>23</sup>

Berbicara berkenaan manhaj tasawuf pula, Hamdan Hassan dalam tesis kedoktorannya, *Tarekat Ahmadiyyah di Malaysia*, beliau menyebutkan bahawa terdapat

<sup>19</sup> Muḥammad 'Alī Aḥmad 'Alī, "al-Ṣifāt wa Mawqif al-Imām Aḥmad ibn Idrīs minhā," *Majallah Kuliyyah al-Adāb bi-Qanā* 32, no. 58 (2023): 1092–1094. Menurut Imam al-Ghazzālī, ayat *mutashābihāt* adalah ayat yang membawa kesamaran. Zahir lafaznya menyebabkan orang menyangka bahawa Allah SWT bersifat dengan suatu gambaran makhluk, mempunyai jisim dan selanjutnya seperti bersemayam, datang, turun, tangan, kaki, gambar dan seumpamanya. Rujuk Muhammad Fuad Kamaludin, *Min Turāth al-Imām Aḥmad ibn Idrīs*, 783.

<sup>20</sup> R. S. O'Fahey, *Enigmatic Saint: Ahmad ibn Idris and the Idrisi Tradition* (Illinois: Northwestern University Press, 1990), 25.

<sup>21</sup> Aḥmad bin Muṣṭafā al-Idrīsī, *Tokoh Ulama' Sufi Imam Ahmad ibn Idris*, terj. Muhammad Fuad Kamaludin (Ampang: Institut Imam Ahmad ibn Idris, 2023), 442-446. *Ittibā'* bermaksud mengikuti. Perkataan *mengikuti* dalam konteks *mengikuti* kepada Sunnah ataupun Hadith tidak disebutkan sebagai *taqlīd*, tetapi istilah yang lebih tepat adalah *ittibā'* sepertimana yang difirmankan oleh Allah SWT: "Katakanlah (wahai Muḥammad): 'Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku (Sunnah Nabi SAW).'" (Āli 'Imrān 3:31).

<sup>22</sup> Che Zarrina Sa'ari, "Biografi Shaikh Ahmad b. Idris," 48.

<sup>23</sup> Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin 'Ismā'īl bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah ibn Bardizbah al-Bukhārī al-Ja'fī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Beirut: Dār Taḥq al-Najāh, 1422H), 1:128 (Kitāb al-Adhān, Bāb al-Adhān lil-Musāfir idhā Kānū Jamā'ah wa al-Iqāmah, Kadhālika bi-'Arafah wa al-Jam', no. hadith 631).

beberapa manhaj tasawuf yang diamalkan oleh tarekat yang muncul sebelumnya tidak dipersetujui dan ditelusuri oleh Sayyid Aḥmad ibn Idrīs.<sup>24</sup> Oleh sebab itulah beliau digelar sebagai Tokoh Reformasi kerana telah mereformasikan beberapa doktrin tarekat yang dianuti dan dijadikan pegangan turun-temurun selama ini oleh tarekat klasik tersebut.<sup>25</sup> Di samping itu, Muhammad Fuad Kamaludin turut meriwayatkan kenyataan Syeikh Ṣāliḥ al-Ja‘farī yang menyatakan bahawa karamah terbesar Sayyid Aḥmad ibn Idrīs ialah perhimpunan atau pertemuan beliau dengan Nabi Muḥammad SAW secara *yaqazah*.

Ini merupakan manhaj tasawuf terpenting Tarekat Aḥmadiyyah kerana *awrād*, *aḥzāb* dan selawat Sayyid Aḥmad ibn Idrīs yang masyhur kesemuanya diambil secara terus daripada lisan Baginda SAW melalui perhimpunan tersebut.<sup>26</sup> Bahkan, perhimpunan dengan Nabi Muḥammad SAW secara *yaqazah* menjadi salah satu matlamat dan objektif utama yang ingin dicapai dalam perjalanan kerohanian Tarekat Aḥmadiyyah seumpama yang disebutkan oleh Hamdan Hassan.<sup>27</sup>

Seterusnya, Muhammad Fuad Kamaludin dalam kitabnya, *al-Sa‘ādah al-Abadiyyah fī al-Ijāzāt al-Aḥmadiyyah* menyatakan bahawa Tarekat Aḥmadiyyah juga menitikberatkan berkenaan soal sanad dan ijazah tarekat. Ia juga telah menjadi manhaj utama dan metode asasi serta rukun terbesar dalam Tarekat Sayyid Aḥmad ibn Idrīs yang dengannya tertegak tarekat ini.<sup>28</sup> Beliau turut mengklasifikasikan al-Quran al-Karim sebagai wirid terpenting bagi Tarekat Aḥmadiyyah sepertimana yang beliau muatkan dalam bukunya, *al-Minḥah al-Aḥadiyyah*.<sup>29</sup> Selain itu, beliau juga menyatakan bahawa asas dan sebesar-besar wirid bagi Tarekat Aḥmadiyyah ini ialah *al-Dhikr al-Makḥsūs*, *al-Ṣalāt al-‘Azīmiyyah*, dan *al-Istighfār al-Kabīr* yang mana ketiga-tiga wirid ini perlu diberi perhatian oleh para *ikhwān* Aḥmadiyyah.<sup>30</sup> Selanjutnya, Syeikh Ṣāliḥ al-Ja‘farī menunjukkan kepentingan Kaedah Empat dalam manhaj tasawuf Tarekat Aḥmadiyyah apabila beliau mensyarahkan secara tuntas keempat-empat kaedah tersebut dalam karyanya, *al-Ilhām al-Nāfi‘*. Empat Kaedah tersebut adalah muhasabah, ikhlas, *rahmah*, dan kemuliaan akhlak.<sup>31</sup> Di samping itu, Muhammad Fuad Kamaludin dalam karyanya, *al-Minḥah al-Aḥadiyyah* turut menyatakan bahawa rabitah syeikh juga merupakan antara manhaj terbesar tarekat ini kerana mampu memainkan peranan dalam merawat nafsu seseorang murid dalam kalangan *ikhwān* Tarekat Aḥmadiyyah.<sup>32</sup> Akhir sekali, beliau juga menyebutkan bahawa Sayyid Aḥmad ibn Idrīs turut menjadikan *khalwah* sebagai manhaj bagi memohon pertolongan Allah SWT apabila diri terasa lemah untuk melaksanakan ibadah.<sup>33</sup>

<sup>24</sup> Hamdan Hassan, *Tarekat Ahmadiyyah di Malaysia*, 26. Buku ini pada asalnya adalah merupakan tesis kedoktoran beliau, yang kemudiannya diterbitkan sebagai sebuah buku akademik.

<sup>25</sup> *Ibid.*, x.

<sup>26</sup> Muhammad Fuad Kamaludin, *Min Turāth al-Imām Aḥmad ibn Idrīs*, 83. Berhimpun dengan Nabi SAW secara *yaqazah* bermaksud berhimpun dengan Nabi SAW secara jaga dan bukan melalui mimpi.

<sup>27</sup> Hamdan Hassan, *Tarekat Ahmadiyyah di Malaysia*, 207.

<sup>28</sup> Muhammad Fuad Kamaludin, *al-Sa‘ādah al-Abadiyyah fī al-Ijāzāt al-Aḥmadiyyah: Kebahagiaaan Abadi pada Ijazah Ahmadiyah* (Ampang: Institut Imam Ahmad ibn Idris, 2024), 29–30.

<sup>29</sup> Muhammad Fuad Kamaludin, *al-Minḥah al-Aḥadiyyah fī Muqaddimah al-Durrah al-Fardiyyah: Anugerah Maha Esa pada Muqaddimah Permata Unggul* (Ampang: Institut Imam Ahmad ibn Idris, 2024), 259.

<sup>30</sup> Muhammad Fuad Kamaludin, *al-Minḥah al-Aḥadiyyah*, 269.

<sup>31</sup> Ṣāliḥ bin Muḥammad al-Ja‘farī, *al-Ilhām al-Nāfi‘*, 9–11.

<sup>32</sup> Muhammad Fuad Kamaludin, *al-Minḥah al-Aḥadiyyah*, 342.

<sup>33</sup> *Ibid.*, 364.

## PERBINCANGAN

Setiap tarekat semestinya mempunyai manhaj, pendirian dan sistem mereka yang tersendiri.<sup>34</sup> Perkara ini juga berlaku kepada Tarekat Ahmadiyah yang juga mempunyai keistimewaan dan pendekatan yang tersendiri dalam mengimplementasikan akidah, fiqah, dan tasawuf dalam kehidupan seharian mereka. Manhaj akidah yang dimaksudkan dalam kajian ini merupakan pendekatan yang digunakan oleh Sayyid Ahmad ibn Idrīs dalam memahami elemen-elemen akidah seperti kaedah dalam mengenali sifat-sifat Allah SWT. Manakala manhaj fiqah pula adalah metodologi yang diterapkan oleh Sayyid Ahmad ibn Idrīs dalam menganalisis dan mengamalkan hukum-hukum syariat. Ia turut meliputi sumber rujukan yang digunakan oleh beliau dalam mengeluarkan sesuatu hukum, bagaimana prosedur beliau dalam mengeluarkan sesebuah hukum dan dalam konteks apakah yang pernah beliau keluarkan hukum tersebut. Adapun manhaj tasawuf pula adalah jalan ataupun sistem yang telah pun lengkap dengan segala panduan yang diberikan oleh Sayyid Ahmad ibn Idrīs dalam membawa pengikutnya menggapai Maqam Ihsan. Oleh itu, perbincangan kali ini bertujuan untuk menganalisis secara lebih terperinci dan holistik bagaimana manhaj dan pendekatan yang diaplikasikan oleh Sayyid Ahmad ibn Idrīs selaku pelopor Tarekat Ahmadiyah dalam mengimplementasikan akidah, fiqah, dan tasawuf dalam rutin kehidupan sehari-hari.

### Manhaj Akidah

Hasil penyelidikan daripada Muhammad ‘Alī mendapati bahawa Sayyid Ahmad ibn Idrīs lebih cenderung kepada akidah Salaf dalam memahami asas ilmu akidah.<sup>35</sup> Ini menepati dengan apa yang disebutkan oleh Muhammad Fuad Kamaludin dalam karyanya *Min Turāth al-Imām Ahmad ibn Idrīs*. Beliau menukulkan kenyataan murid kanan Sayyid Ahmad ibn Idrīs, Sayyid Muhammad bin ‘Alī al-Sanūsī yang menceritakan bahawa beliau pernah belajar ilmu tauhid daripada Sayyid Ahmad ibn Idrīs, lalu beliau mendapati Sayyid Ahmad ibn Idrīs adalah seorang Salafī yang tulen berdasarkan pegangannya.<sup>36</sup> Malahan, Sayyid Ahmad ibn Idrīs juga digelar sebagai Baqiyyah Salaf al-Ṣāliḥīn (baki Salaf al-Ṣāliḥīn) oleh murid utamanya, Syekh Ibrāhīm al-Rashīd kerana tidak ramai ulama zaman ini yang masih lagi mengamalkan metodologi Salaf, disamping keistimewaan, keilmuan dan akhlaknya juga seumpama ulama Salaf al-Ṣāliḥ.<sup>37</sup>

Muhammad ‘Alī juga mendapati Sayyid Ahmad ibn Idrīs lebih condong ke arah pendirian Salaf ketika berinteraksi dengan nas-nas *mutashābihāt*. Hal ini kerana beliau menuruti kaedah Salaf yang menetapkan lafaz *mutashābihāt* beserta menyucikan maknanya daripada menyerupai makhluk seterusnya *tafwīd* urusan makna sebenar nas tersebut kepada Allah SWT kerana hanya Allah SWT sahaja yang Maha Mengetahui hakikat makna nas tersebut.<sup>38</sup> Muhammad Fuad Kamaludin juga meriwayatkan kenyataan Sayyid Ahmad ibn Idrīs yang sangat menegah umat Islam daripada menyibukkan diri dalam memerah otak dan memikirkan tentang makna ayat *mutashābihāt* kerana ditakuti melakukan pendustaan terhadap Kalam Allah SWT tanpa disedari.<sup>39</sup>

Selain itu, R. S. O’Fahey yang merupakan seorang Sarjana Barat yang sangat mencintai dalam meneliti khazanah pemikiran, ilmiah dan rohaniah warisan Sayyid Ahmad ibn

<sup>34</sup> Abdul Manam Mohamad, “Setiap Tarekat Mempunyai Manhaj Tersendiri.”

<sup>35</sup> Muhammad ‘Alī Ahmad ‘Alī, “al-Ṣifāt wa Mawqif al-Imām Ahmad ibn Idrīs minhā,” 1092–1094.

<sup>36</sup> Muhammad Fuad Kamaludin, *Min Turāth al-Imām Ahmad ibn Idrīs*, 783.

<sup>37</sup> Ibrāhīm al-Rashīd, *Iqd al-Durr al-Nafīs fī Ba‘d Karāmāt Sayyidinā wa Mawlānā Ahmad ibn Idrīs Qaddasa Allāh Sirrahu: Untaian Permata Berharga pada Sebahagian Karamah Sayyid Ahmad ibn Idrīs Semoga Allah Mensucikan Sirnya*, terj. Muhammad Fuad Kamaludin (Ampang: Institut Imam Ahmad ibn Idrīs, 2024), 48.

<sup>38</sup> Muhammad ‘Alī Ahmad ‘Alī, “al-Ṣifāt wa Mawqif al-Imām Ahmad ibn Idrīs minhā,” 1092–1094.

<sup>39</sup> Muhammad Fuad Kamaludin, *Min Turāth al-Imām Ahmad ibn Idrīs*, 122-123.

Idrīs menyifatkan Sayyid Aḥmad ibn Idrīs dalam karya unggulnya, *Enigmatic Saint* sebagai seorang ahli sufi yang tidak mesra dengan ilmu kalam.<sup>40</sup> Hal ini kerana Sayyid Aḥmad ibn Idrīs dilihat beberapa kali mengkritik ilmu ini dalam kitabnya *Sharḥ al-‘Aqīdah al-Imām al-Shāfi‘ī* dan *al-‘Iqd al-Nafīs fī Nazm Jawāhir al-Tadrīs*. Bahkan, Muhammad Fuad Kamaludin juga menukilkan dalam karyanya *Min Turāth al-Imām Aḥmad ibn Idrīs*, kritikan Sayyid Aḥmad ibn Idrīs terhadap ilmu kalam ketika beliau mensyarahkan *‘Aqīdah al-Imām al-Shāfi‘ī*, beliau menyatakan:

فَإِنَّ التَّفَاصِيلَ الَّتِي فَصَّلَهَا الْمُتَكَلِّمُونَ كُلُّهَا لَا أَصْلَ لَهَا فِي حَبْرٍ وَلَا أَثَرٍ. وَمَا لَمْ يَكُنْ مِنْ عِنْدِ  
اللَّهِ فَيُجَابُهُ عَلَى الْأُمَّةِ مَحْضُ تَعْنِيفٍ وَإِشْقَاقٍ.

Terjemahan: “Sesungguhnya perincian akidah yang diperincikan oleh ahli kalam kesemuanya tidak mempunyai asalnya sama ada daripada *Khabar* atau pun *Athar* [al-Quran dan Sunnah serta jejak peninggalan para Sahabat RA]. Mewajibkan sesuatu kepada umat Islam dengan kewajipan yang bukan datang daripada Allah adalah suatu bentuk paksaan dan punca perpecahan.<sup>41</sup>

Dalam kenyataannya yang lain, beliau menggambarkan bahawa orang yang berpegang dengan perincian akidah ahli kalam akan kebingungan untuk memberi jawapan sekiranya disoal oleh Allah SWT sama ada perincian akidah tersebut adalah benar-benar diwahyukan oleh Allah SWT ataupun tidak.<sup>42</sup> Hal ini kerana menurut beliau, perincian akidah ahli kalam tersebut tidak berasal daripada petunjuk al-Quran al-Karim mahupun al-Sunnah al-Nabawiyah, bahkan juga tidak pernah ditelusuri oleh mana-mana Sahabat sekalipun.<sup>43</sup>

## Manhaj Fiqah

Muhammad Fuad Kamaludin dalam bahagian lampiran *Tokoh Ulama’ Sufi Imam Ahmad ibn Idrīs* terjemahan bagi karya Aḥmad bin Muṣṭafā al-Idrīsī, beliau menyatakan bahawa Sayyid Aḥmad ibn Idrīs bertaklid dengan Mazhab Imam Mālik dalam perkara adat, dan *ittibā‘* Mazhab Muḥaddithīn dalam perkara ibadat.<sup>44</sup> Pendirian ini seumpama yang diungkapkan oleh Sayyid Aḥmad bin Nāṣir, yang juga merupakan tokoh ulama Mazhab Mālikī:

مَتَى وَجَدْتُ حَدِيثًا صَحِيحًا عَمِلْتُ بِهِ وَلَوْ مَرَّةً وَاحِدَةً وَافَقَ مَذْهَبَ مَالِكٍ أَوْ خَالَفَهُ.

Terjemahan: “Apabila saya menemui Hadith Sahih, saya beramal dengannya walaupun sekali, sama ada ia bertepatan dengan Mazhab Mālikī mahupun bersalahan.”<sup>45</sup>

Muhammad Fuad Kamaludin menjelaskan bahawa ketaklidan Sayyid Aḥmad ibn Idrīs kepada Mazhab Imam Mālik hanyalah suatu penisbahan untuk menghimpunkan beliau dalam pendapat imam beliau. Namun pada hakikatnya, beliau sebenarnya *ittibā‘* kepada hadith. Apa-apa pandangan dalam mazhab yang selari dengan hadith, maka beliau beramal dengannya dan apa yang bersalahan, maka beliau tinggalkannya. Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa

<sup>40</sup> R. S. O’Fahey, *Enigmatic Saint*, 25.

<sup>41</sup> Muhammad Fuad Kamaludin, *Min Turāth al-Imām Aḥmad ibn Idrīs*, 111.

<sup>42</sup> *Ibid.*

<sup>43</sup> *Ibid.*, 114.

<sup>44</sup> Aḥmad bin Muṣṭafā al-Idrīsī, *Tokoh Ulama’ Sufi Imam Ahmad ibn Idrīs*, 442-446.

<sup>45</sup> *Ibid.*, 442-446.

sandaran yang paling utama bagi Sayyid Aḥmad ibn Idrīs adalah *muttābi*<sup>46</sup> kepada Mazhab Muḥaddithīn iaitu mengikuti setiap hadith, huruf demi huruf, tanpa berpaling dan berubah daripadanya.<sup>47</sup> Tindakan ini bersesuaian dengan tahap keilmuannya yang telah pun menguasai segenap segi ilmu fiqah. Maka tidak hairanlah beliau mampu mengeluarkan ijtihad beliau yang tersendiri, yang diambil secara langsung daripada al-Quran dan Sunnah. Penguasaan ilmu ini adalah sebagaimana yang diperakui oleh murid kanannya Sayyid Muḥammad ‘Uthmān al-Mīrghanī, yang juga merupakan salah seorang *akābir al-ulamā’* pada zamannya. Beliau menyebutkan bahawa:

وَأَمَّا الْفِقْهُ فَقَدْ حَقَّقَ وَاتَّقَنَ جُمْلَةَ الْمَذَاهِبِ الْأَرْبَعَةِ وَغَيْرَهَا مِنَ السَّبْعِينَ الْمُنْدَرَسَةِ.

Terjemahan: “Adapun dalam bidang fiqah, beliau [Sayyid Aḥmad ibn Idrīs] telah benar-benar *tahqīq* dan mendalami mazhab yang empat dan selainnya daripada 70 mazhab yang telah terkubur.”<sup>48</sup>

Adapun dari sudut *maṣādir al-aḥkām*, sumber hukum utama bagi Sayyid Aḥmad ibn Idrīs tidak lain tidak bukan ialah al-Quran dan Sunnah. Mengenai *ijmā’*, qiyas, dan *qawl al-ṣahābī*, beliau turut menerimanya sekiranya sumber-sumber tersebut terbukti berasal daripada Nabi Muḥammad SAW, sebagaimana yang dinyatakan oleh Che Zarrina Sa’ari.<sup>49</sup> Kenyataan ini dilihat senada dengan apa yang disebutkan oleh Hamdan Hassan. Beliau menyebutkan bahawa Sayyid Aḥmad ibn Idrīs berpendirian sedemikian kerana mengikut jejak langkah kaum Ḥanbalī yang menolak pandangan yang berasaskan kepada *ijmā’*, qiyas, dan *qawl al-ṣahābī* yang tidak berasal daripada Nabi Muḥammad SAW.<sup>50</sup> Melalui kedua-dua kenyataan ini, dapat dilihat ketegasan Sayyid Aḥmad ibn Idrīs dalam memelihara keaslian dan ketulenan ajaran Islam, serta memastikan bahawa segala hukum yang ditetapkan adalah benar-benar berlandaskan petunjuk al-Quran al-Karim dan al-Sunnah al-Nabawiyyah. Ini adalah sebagaimana yang dipusakakan oleh Nabi SAW:

تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا: كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ.

Terjemahan: “Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara dan kamu tidak akan sesat selagimana kamu berpegang kepadanya iaitu Kitabullah dan Sunnah Nabi-Nya.”<sup>51</sup>

Terdapat pelbagai kenyataan daripada limpahan khazanah ilmiah Ahmadiyyah yang menunjukkan keutamaan al-Quran dan Sunnah pada diri Sayyid Aḥmad ibn Idrīs. Pernyataan demi pernyataan ini menggambarkan komitmen beliau yang begitu mendalam terhadap kedua-

<sup>46</sup> Dalam ilmu *ṣarf* Bahasa Arab, orang yang *ittibā’* disebutkan sebagai *muttābi* (pengikut).

<sup>47</sup> Aḥmad bin Muṣṭafā al-Idrīsī, *Tokoh Ulama’ Sufi Imam Ahmad ibn Idris*, 442-446.

<sup>48</sup> Muhammad Fuad Kamaludin, *Tuhfat al-Sālikīn bi-Ṭarā’iq al-Arba’īn: Bingkisan Para Salik dengan 40 Tarekat* (t.tp.: Institut Imam Ahmad ibn Idris, 2022), 5–6.

<sup>49</sup> Che Zarrina Sa’ari, “Biografi Shaikh Ahmad b. Idris,” 48.

<sup>50</sup> Hamdan Hassan, *Tarekat Ahmadiyyah di Malaysia*, 27.

<sup>51</sup> Mālik bin Anas, *al-Muwatta’* (Abu Dhabi: Mu’assasat Zāyid bin Sulṭān Āl Nahyān lil-‘A’ māl al-Khayriyyah wa al-Insāniyyah, 2004), 5:1323 (Kitāb al-Qadr, al-Nahy ‘an al-Qawl bi al-Qadr, no. hadith 3338). Al-Imām al-Zarqānī menyatakan penerangan yang disampaikan adalah sahih sebagaimana kata Ibn ‘Uyaynah. Lihat Mujid al-Dīn Abū al-Sa’ādāt al-Mubārak bin Muḥammad ibn al-Athīr, *Jāmi’ al-Uṣūl fī Ahādīth al-Rasūl* (t.tp.: Maktabah al-Ḥalwānī, Maṭba’ah al-Mallāh, Maktabah Dār al-Bayān, 1979), 1:277 (Al-Kitāb al-Thānī: Fī al-‘Iṭisām bi-al-Kitāb wa al-Sunnah, no. hadith 64).

dua sumber rujukan berautoriti tertinggi umat Islam ini. Antaranya adalah daripada Syeikh Ṣāliḥ al-Ja‘farī yang menukikan kata-kata Sayyid Aḥmad ibn Idrīs:

طَرِيقُنَا الْكِتَابُ وَالسُّنَّةُ.

Terjemahan: “Tarekat kami ialah al-Quran dan Sunnah.”<sup>52</sup>

Di samping itu, berdasarkan kepada apa yang dapat difahami daripada penulisan Muhammad Fuad Kamaludin dalam karyanya *Min Turāth al-Imām Aḥmad ibn Idrīs*, bahawa Tarekat Aḥmadiyyah mempunyai kaedah solat mereka yang tersendiri. Kaedah ini diambil berdasarkan ijtihad Sayyid Aḥmad ibn Idrīs ketika beliau mensyarahkan Hadith Nabi SAW:

صَلُّوا كَمَا رَأَيْتُمُونِي أُصَلِّي.

Terjemahan: “Solatlah kamu sebagaimana kamu melihat saya solat.”<sup>53</sup>

Sayyid Aḥmad ibn Idrīs *imlā*<sup>54</sup> (syarahan hadith ini kepada murid kesayangannya, Sayyid Muḥammad bin ‘Alī al-Sanūsī ke dalam sebuah risalah. Bermula daripada situlah, risalah ini terus dipelihara oleh murid Sayyid Aḥmad ibn Idrīs yang lain, seterusnya diperturunkan dan disebarkan daripada generasi ke generasi sehinggalah ke hari ini. Dengan demikian, pada hari ini, risalah ini turut dikenali dengan nama lain terutamanya pada sisi al-Sādah al-Sanūsīyyah<sup>55</sup> sebagai *al-Nafahāt al-Kubrā* (*Hembusan Teragung*) manakala pada sisi Syeikh Ṣāliḥ al-Ja‘farī sebagai *Ṣalli Ṣalāta Muwaddi* (*Huraian Hadith: Solatlah Kamu dengan Solat Orang yang akan Berpisah*). Kaedah Solat Nabi SAW yang dihuraikan oleh Sayyid Aḥmad ibn Idrīs ini turut diambil berat oleh *ikhwān* Tarekat Aḥmadiyyah lalu mereka mengamalkan manhaj tersebut dalam ibadah solat mereka.<sup>56</sup>

## Manhaj Tasawuf

Berbicara berkenaan manhaj tasawuf pula, Hamdan Hassan dalam tesis kedoktorannya, *Tarekat Ahmadiyyah di Malaysia*, beliau menyebutkan bahawa terdapat beberapa manhaj tasawuf yang diamalkan oleh tarekat yang muncul sebelumnya tidak dipersetujui dan ditelusuri oleh Sayyid Aḥmad ibn Idrīs.<sup>57</sup> Oleh sebab itulah beliau digelar sebagai Tokoh Reformasi kerana telah mereformasikan beberapa doktrin tarekat yang dianuti dan dijadikan pegangan turun-temurun selama ini oleh tarekat klasik tersebut.<sup>58</sup> Tarekat Aḥmadiyyah yang digagaskan oleh beliau menjadi bukti nyata bagaimana pembaharuan yang dibawa oleh beliau diterima dan diamalkan secara meluas. Sejarah juga merekodkan bahawa dengan kemunculan tarekat beliau, dunia kesufian kembali hidup dengan pesat setelah lama suram dan menyepi kerana majoriti negara

<sup>52</sup> Masyakhah Tarekat Ahmadiyah Idrisiah Asia, “Imam Ahmad ibn Idris Menjadikan al-Quran dan Hadith Sebagai Aurad Utama Tarekat,” Facebook, 13 September 2019, [https://www.facebook.com/tarekatidrisiah/photos/a.187273288698227/524992931592926/?type=3&\\_rdr](https://www.facebook.com/tarekatidrisiah/photos/a.187273288698227/524992931592926/?type=3&_rdr).

<sup>53</sup> Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 1:128 (Kitāb al-Adhān, Bāb al-Adhān lil-Musāfir idhā Kānū Jamā‘ah wa al-Iqāmah, Kadhālika bi-‘Arafah wa al-Jam‘, no. hadith 631).

<sup>54</sup> Sayyid Muḥammad bin ‘Alī al-Sanūsī mencatatkan kaedah solat nabi tersebut dalam risalahnya mengikut segala apa yang dihuraikan oleh gurunya, Sayyid Aḥmad ibn Idrīs.

<sup>55</sup> Para Penghulu Keluarga Sayyid Muḥammad bin ‘Alī al-Sanūsī.

<sup>56</sup> Muhammad Fuad Kamaludin, *Min Turāth al-Imām Aḥmad ibn Idrīs*, 364-366.

<sup>57</sup> Hamdan Hassan, *Tarekat Ahmadiyyah di Malaysia*, 26.

<sup>58</sup> *Ibid.*, x.



umat Islam ketika itu sudah mulai melemah dek ancaman penjajahan Barat<sup>59</sup> dan terdapat sebilangan kaum sufi yang tidak berkelayakan yang berkecimpung dalam doktrin tasawuf falsafi. Ini adalah seumpama yang telah dijelaskan oleh Che Zarrina Sa'ari dalam artikelnya, *Biografi Shaikh Ahmad b. Idris dan Sumbangannya terhadap Alam Kesufian*.<sup>60</sup>

Di samping itu, Muhammad Fuad Kamaludin juga meriwayatkan kenyataan Syeikh Šāliḥ al-Ja'farī yang menobatkan perhimpunan Sayyid Aḥmad ibn Idrīs dengan Nabi Muḥammad SAW secara *yaqazah* sebagai *karāmah* terbesar yang dimiliki oleh beliau. Ini merupakan manhaj tasawuf terpenting Tarekat Aḥmadiyyah kerana Syeikh Šāliḥ al-Ja'farī menerangkan bahawa *awrād*, *aḥzāb* dan selawat Sayyid Aḥmad ibn Idrīs yang masyhur kesemuanya diambil secara terus daripada lisan Baginda SAW melalui perhimpunan tersebut.<sup>61</sup> Bahkan, perhimpunan dengan Nabi Muḥammad SAW secara *yaqazah* menjadi salah satu matlamat dan objektif utama yang ingin dicapai dalam perjalanan kerohanian Tarekat Aḥmadiyyah seumpama yang disebutkan oleh Hamdan Hassan.<sup>62</sup> Ini adalah sepertimana yang dapat diperhatikan melalui selawat Tarekat Aḥmadiyyah yang masyhur iaitu *al-Šalāt al-'Azīmiyyah*, selawat ini mengandungi permohonan kepada Allah SWT agar menganugerahkan nikmat berhimpun dengan Nabi Muḥammad SAW secara *yaqazah*. Bentuk permohonan tersebut adalah seperti yang berikut:

وَأَجْمَعُ بَيْنِي وَبَيْنَهُ كَمَا جَمَعْتَ بَيْنَ الرُّوحِ وَالنَّفْسِ، ظَاهِرًا وَبَاطِنًا، يَفْطَنُ وَمَنَامًا، وَأَجْعَلُهُ يَا رَبِّ  
رُوحًا لِدَائِي مِنْ جَمِيعِ أَلْوَجُوهِ فِي الدُّنْيَا قَبْلَ الْآخِرَةِ يَا عَظِيمُ.

Terjemahan: “Himpunkanlah antara aku dan Baginda SAW sebagaimana Engkau telah menghimpunkan antara roh dan nafsu, zahir dan batin, ketika *yaqazah* dan tidur. Jadikanlah Baginda SAW wahai Tuhanku! Roh bagi zatku daripada semua keadaan di dunia ini sebelum hari akhirat, wahai Tuhan Yang Maha Agung!”<sup>63</sup>

Seterusnya, menurut kaca mata Hamdan Hassan, beliau menyebutkan bahawa Sayyid Aḥmad ibn Idrīs tidak mementingkan soal *silsilah* dalam ajarannya. Disebabkan itulah, Sayyid Aḥmad ibn Idrīs terus mengumumkan bahawa ajarannya diterima langsung daripada Nabi Muḥammad SAW secara *šūrī* (*yaqazah*). Dengan demikian, *silsilah* tarekatnya adalah beliau sendiri dan Nabi Muḥammad SAW atau perantaraannya Nabi Khidīr AS. Sesiapa sahaja boleh mempelajari dan mengamalkan tarekatnya, kerana beliau mengemukakan bentuk disiplin yang longgar dan kurang pengawasan kepada murid-muridnya.<sup>64</sup> Walau bagaimanapun, kenyataan ini dilihat berbeza dengan pandangan Muhammad Fuad Kamaludin yang menyatakan sanad dan ijazah adalah penting dalam Tarekat Aḥmadiyyah bagi mengelakkan berlaku sebarang penyelewengan serta dakwaan yang tidak berasas.<sup>65</sup> Ia juga diterima pakai secara meluas pada

<sup>59</sup> *Ibid.*, 18.

<sup>60</sup> Che Zarrina Sa'ari, “Biografi Shaikh Ahmad b. Idris,” 36.

<sup>61</sup> Muhammad Fuad Kamaludin, *Min Turāth al-Imām Aḥmad ibn Idrīs*, 83.

<sup>62</sup> Hamdan Hassan, *Tarekat Ahmadiyyah di Malaysia*, 207-208.

<sup>63</sup> Aḥmad ibn Idrīs, *Aḥzāb wa Awrād al-Imām Aḥmad ibn Idrīs: Ahzab & Aurad Imam Ahmad ibn Idris*, terj. Muhammad Fuad Kamaludin (Ampang: Institut Imam Ahmad ibn Idris, 2024), 29–30.

<sup>64</sup> Meskipun Hamdan Hassan menyatakan Sayyid Aḥmad ibn Idrīs tidak mementingkan soal *silsilah* dalam tarekatnya, namun beliau tidak menafikan bahawa wujudnya *silsilah* Tarekat Aḥmadiyyah kerana ada dipaparkan oleh Syeikh Ibrāhīm al-Rashīd dalam karyanya *Iqd al-Durr al-Nafīs*. Lihat Hamdan Hassan, *Tarekat Ahmadiyyah di Malaysia*, 208.

<sup>65</sup> Kenyataan Muhammad Fuad Kamaludin ini selaras dengan kata-kata Jahid Sidek yang menyebutkan bahawa sebagaimana sanad dapat menjaga dan memelihara hadith-hadith daripada penyelewengan, pemalsuan dan

hari ini sebagai menyebarkan keberkatan dan ketulenan serta meneruskan mata rantai sanad dan pengriwayatan Tarekat Sayyid Ahmad ibn Idrīs hingga ke akhir zaman. Ia juga telah menjadi manhaj utama dan metode asasi serta rukun terbesar dalam Tarekat Sayyid Ahmad ibn Idrīs yang dengannya tertegak tarekat ini. Sayyid Ahmad ibn Idrīs menjadikan ijazah dan sanad serta *talqīn* sebagai satu-satunya cara untuk memasuki tarekat beliau yang mulia ini. Ini juga bagi memastikan keaslian dan ketulenan tarekat ini, disamping memelihara amalan-amalan tarekat ini daripada berlaku percampuran dengan anasir-anasir luar. Perkara ini dibuktikan melalui penulisan ijazah dan sanad oleh Sayyid Ahmad ibn Idrīs kepada murid-murid beliau melalui warkah-warkah beliau kepada mereka. Manhaj ini kemudiannya diteruskan pula oleh murid-murid beliau. Antara mereka ialah Sayyid Muhammad bin ‘Alī al-Sanūsī, Sayyid Muhammad ‘Uthmān al-Mīrghānī, Syeikh Ibrāhīm al-Rashīd dan murid-muridnya yang lain.<sup>66</sup>

Selanjutnya, Muhammad Fuad Kamaludin dalam bukunya, *al-Minḥah al-Aḥadiyyah* mengklasifikasikan al-Quran al-Karim sebagai wirid terpenting bagi Tarekat Aḥmadiyyah.<sup>67</sup> Kenyataan ini selaras dengan kata-kata Imam Muhammad bin ‘Alī al-Yamanī al-Idrīsī, yang merupakan cicit Sayyid Ahmad ibn Idrīs. Beliau mengatakan bahawa:

Terjemahan: “Maka menghadaplah kepada al-Quran ini dan hidupkanlah sunnah pembacaannya dengan sebenar-benar pembacaan seperti yang diamalkan oleh Ustaz Tarekat kamu, Imam Ahmad ibn Idrīs sehingga beliau masyhur dengan kepakarannya mentafsirkan al-Quran. Tarekatnya pula terkenal dengan memanjangkan solat, memperbanyakkan membaca al-Quran dan mengamalkan dengan segala ajaran al-Quran.”<sup>68</sup>

Selain itu, Muhammad Fuad Kamaludin juga menyatakan bahawa asas dan sebesar-besar wirid bagi Tarekat Aḥmadiyyah ini ialah *al-Dhikr al-Makḥṣūṣ*, *al-Ṣalāt al-‘Azīmiyyah*, dan *al-Istighfār al-Kabīr* yang mana ketiga-tiga wirid ini perlu diberi perhatian oleh para *ikhwān* Aḥmadiyyah.<sup>69</sup>

Berikutnya, Syeikh Ṣāliḥ al-Ja‘farī menunjukkan kepentingan Kaedah Empat dalam manhaj tasawuf Tarekat Aḥmadiyyah apabila beliau mensyarahkan secara tuntas keempat-empat kaedah tersebut dalam karyanya, *al-Ilhām al-Nāfi‘*. Empat Kaedah tersebut adalah muhasabah, ikhlas, *rahmah*, dan kemuliaan akhlak.<sup>70</sup> Malahan, Sayyid Ahmad ibn Idrīs juga mengisyiharkan bahawa sesiapa yang menjalankan Kaedah Empat ini, maka dia bakal mengenali asas binaan tertegaknya Tarekat Aḥmadiyyah ini dan memahami kaedah mengubati atau merawat nafsunya. Ahli tarekat secara umumnya mempunyai dua manhaj untuk membersihkan nafsu mereka iaitu (pertama) jalan perbuatan dan (kedua) jalan perkataan. Dalam Tarekat Aḥmadiyyah secara khusus, *Aḥzāb Khamsah* memainkan peranan sebagai jalan perbuatan, manakala Kaedah Empat pula memainkan peranan sebagai jalan perkataan.<sup>71</sup> Kedua-dua jalan ini sangat dititikberatkan oleh empunya Tarekat Aḥmadiyyah, Sayyid Ahmad ibn Idrīs. Kedua-dua amalan ini diibaratkan dua sayap bagi seekor burung. Tidaklah burung itu

---

sebagainya, maka begitulah juga *silsilah* syeikh yang *muttaṣil* (bersambungan) dapat menjaga keutuhan ilmu dan amalan tarekat. Lihat Jahid Sidek al-Khalidi, *Shaikh dalam Ilmu Tariqah* (Cheras: al-Falah Publications Sdn. Bhd., 2015), 148.

<sup>66</sup> Muhammad Fuad Kamaludin, *al-Sa‘ādah al-Abadiyyah*, 29–31.

<sup>67</sup> Muhammad Fuad Kamaludin, *al-Minḥah al-Aḥadiyyah*, 259.

<sup>68</sup> *Ibid.*, 266.

<sup>69</sup> *Ibid.*, 269.

<sup>70</sup> Ṣāliḥ bin Muhammad al-Ja‘farī, *al-Ilhām al-Nāfi‘*, 9–11.

<sup>71</sup> Muhammad Fuad Kamaludin, *al-Fuyūḍāt al-Muḥammadiyyah ‘alā al-Ṭarīqah al-Aḥmadiyyah: Limpahan Muhammadiyah ke Atas Tarekat Ahmadiyah* (Rembau: Institut Imam Ahmad ibn Idris, 2022), 280.

mampu terbang melainkan dengan kedua-dua sayapnya. Apabila terabai salah satu daripada dua sayap ini, maka tergendalalah penerbangannya. Begitu jugalah dengan para *ikhwān* Aḥmadiyyah yang ingin terbang ke *ḥaḍrah* Rasulullah SAW dan *ḥaḍrah* Allah SWT. Tanpa kedua-duanya para *ikhwān* Aḥmadiyyah tidak mampu untuk terbang dan sampai kepada dua *ḥaḍrah* tersebut.<sup>72</sup>

Seumpama manhaj tarekat *mu'tabarah* yang lain, Tarekat Aḥmadiyyah turut meletakkan rabitah sebagai manhajnya yang terbesar yang mampu berperanan merawat nafsu seseorang murid.<sup>73</sup> Menurut Syed Hadzrullathfi Syed Omar, rabitah boleh dirumuskan sebagai suatu perasaan kasih dan ingatan murid yang mendalam terhadap syeikhnya sehingga terbayang rupa parasnya dalam khayalan, dengan harapan murid tersebut dikasihi oleh Allah SWT kerana mencintai seseorang yang dicintai oleh Allah SWT.<sup>74</sup> Maka dalam konteks *ikhwān* Tarekat Aḥmadiyyah, mereka hendaklah membayangkan kesempurnaan fizikal Nabi Muḥammad SAW seperti yang disebut dalam kitab *Shamā'il Muḥammadiyah*, himpunan Hadith Nabawi oleh Imam al-Tirmidhī.<sup>75</sup> Ini adalah kerana Rasulullah SAW merupakan syeikh yang mentadbir urus, mendidik dan mentarbiah hal ehwal kerohanian *ikhwān* Aḥmadiyyah.

Akhir sekali, sebagaimana tarekat muktabar yang lain, Sayyid Aḥmad ibn Idrīs turut menjadikan *khalwah* sebagai metode utama dalam tarekatnya.<sup>76</sup> Beliau menjadikan *khalwah* sebagai sarana bagi memohon pertolongan Allah SWT apabila diri terasa lemah daripada melaksanakan tugas ibadah. Muhammad Fuad Kamaludin juga menyatakan bahawa, *khalwah* adalah termasuk amalan Sunnah dan mampu menghasilkan natijah-natijah besar dan manfaat-manfaat yang pelbagai kepada pengamalannya seperti memelihara dan merawat hati, membantu diri dalam beribadah, mendapat *madad* (pertolongan), menyucikan hati dan mendatangkan khabar-khabar gembira.<sup>77</sup> Bahkan, Sayyid Aḥmad ibn Idrīs sendiri mengkhabarkan bahawa:

فَإِنَّهَا مِنْ أَعْظَمِ أَدْوِيَةِ الْقُلُوبِ فِي كَشْفِ سِرِّ الْعُيُوبِ.

Terjemahan: “Sesungguhnya ia (*khalwah*) merupakan sebesar-besar ubat hati dalam menyingkap rahsia ghaib.”<sup>78</sup>

Keseluruhan pendekatan yang diketengahkan oleh Sayyid Aḥmad ibn Idrīs ini dilihat masih lagi relevan untuk diadaptasikan dalam konteks tasawuf kontemporari ini. Meskipun sudah sedia maklum bahawa terdapat beberapa titik pembaharuan yang dibawakan oleh beliau, namun penelitian ini mendapati masih lagi terdapat beberapa titik persamaan yang dimiliki antara manhaj tarekat beliau dengan manhaj tarekat muktabar yang lain, terutama pada manhaj

<sup>72</sup> Muhammad Fuad Kamaludin, *Min Turāth al-Imām Aḥmad ibn Idrīs*, 514-515.

<sup>73</sup> Muhammad Fuad Kamaludin, *al-Minḥah al-Aḥadiyyah*, 342.

<sup>74</sup> Syed Hadzrullathfi Syed Omar, “Dimensi Baru dalam Amalan Rabitah Tokoh Sufi Kontemporari Malaysia,” *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 5, Keluaran Khas (2014): 126.

<sup>75</sup> Muhammad Fuad Kamaludin, *al-Minḥah al-Aḥadiyyah*, 342.

<sup>76</sup> Muhammad Fuad Kamaludin, *al-Minḥah al-Aḥadiyyah*, 364. Menurut Syeikh ‘Abd al-Qādir ‘Īsā, *khalwah* adalah memutuskan hubungan dengan manusia dan meninggalkan segala kegiatan duniawi untuk tempoh masa tertentu, agar hati dapat dikosongkan daripada segala keserabutan hidup yang tidak ada hentinya dan akal dapat beristirahat daripada kesibukan sehari-hari yang tidak ada penghujungnya. Ketika ber*khalwah*, hendaklah berzikir kepada Allah SWT dengan hati yang hadir dan khusus, serta tafakur tentang nikmat dan kurniaan-Nya pada waktu siang dan malam. Lihat ‘Abd al-Qādir ‘Īsā, *Ḥaqā’iq ‘an al-Taṣawwuf* (Kaherah: Dār al-Muqattam, 2013), 162.

<sup>77</sup> Muhammad Fuad Kamaludin, *Min Turāth al-Imām Aḥmad ibn Idrīs*, 640.

<sup>78</sup> Muhammad Fuad Kamaludin, *al-Minḥah al-Aḥadiyyah*, 365.

yang besar seperti *yaqazah*, sanad dan ijazah, rabitah, dan *khalwah*. Kesemua manhaj ini masih lagi diterima baik oleh para ulama tasawuf kontemporari, bahkan diamalkan secara meluas dan terus melestari dengan cemerlang sehingga ke hari ini.

### KESIMPULAN

Hasil penelitian menunjukkan bahawa Sayyid Aḥmad ibn Idrīs lebih cenderung kepada akidah Salaf dalam memahami asas ilmu akidah. Beliau juga didapati lebih condong ke arah pendirian Salaf ketika berinteraksi dengan nas *mutashābihāt* yang *tafwīd* makna sebenar nas tersebut kepada Allah SWT. Selain itu, beliau juga disifatkan sebagai seorang ahli sufi yang tidak mesra dengan ilmu kalam.

Manakala dari segi fiqah pula, Sayyid Aḥmad ibn Idrīs bertaklid dengan Mazhab Imam Mālik dalam urusan adat, dan *ittibā'* Mazhab Muḥaddithīn dalam urusan ibadat. Adapun dari sudut *maṣādir al-aḥkām*, sumber hukum utama bagi Sayyid Aḥmad ibn Idrīs ialah al-Quran dan Sunnah. Di samping itu, Tarekat Aḥmadiyyah yang dipelopori oleh beliau mempunyai kaedah solat yang tersendiri. Kaedah ini diambil berdasarkan ijtihad Sayyid Aḥmad ibn Idrīs ketika beliau mensyarahkan Hadith Nabi SAW: “Solatlah kamu sebagaimana kamu melihat saya solat.”

Adapun dari sudut tasawuf, beliau sendiri mempelopori Tarekat Aḥmadiyyah sebagai jalan untuk mencapai hakikat tasawuf. Bahkan, beliau turut diberi gelaran sebagai Tokoh Reformasi kerana telah mereformasikan beberapa doktrin tarekat yang dianuti turun-temurun selama ini oleh tarekat yang muncul sebelumnya. Hal ini kerana terdapat beberapa manhaj tasawuf yang diamalkan oleh tarekat klasik tersebut tidak dipersetujui dan ditelusuri oleh Sayyid Aḥmad ibn Idrīs. Pembaharuan yang dibawa oleh beliau terbukti diterima oleh masyarakat Islam apabila Tarekat Aḥmadiyyah yang digagaskan oleh beliau diamalkan secara meluas oleh ramai umat Islam dari seantero dunia.

Keseluruhan manhaj beliau yang dibahaskan di sini sekaligus menjadi pedoman bagi pengikut Tarekat Aḥmadiyyah yang ingin menyempurnakan lagi perjalanan suluk mereka kerana beliaulah perintis bagi tarekat yang mulia ini. Penemuan ini menunjukkan bahawa pembaharuan yang diperkenalkan oleh Sayyid Aḥmad ibn Idrīs telah memperkayakan khazanah ilmiah dan rohaniah *Islāmiyyah* dan memperluaskan lagi spektrum pengertian sufisme serta praktiknya dalam tradisi kesufian.

Walaupun kajian ini telah memberikan sorotan literatur yang bersistematik mengenai manhaj akidah, fiqah, dan tasawuf Tarekat Aḥmadiyyah, masih terdapat limitasi kajian yang perlu diakui seperti literatur yang dianalisis dalam penyelidikan ini adalah terhad kepada literatur yang dibahaskan dalam Bahasa Malaysia, Inggeris, dan Arab sahaja, yang mungkin mengecualikan literatur relevan yang lain kerana dibahaskan dalam bahasa selain ketiga-tiga bahasa tersebut. Bagi kajian lanjutan, pengkaji mencadangkan penerokaan manhaj akidah, fiqah, dan tasawuf Tarekat Aḥmadiyyah dari sudut pendekatan sorotan literatur yang lain, seperti sorotan literatur naratif (*narrative literature review*). Kajian seumpama ini bakal menggunakan metodologi kajian yang berbeza, sekaligus bakal memperluaskan lagi skop perbincangan dan menampilkan perspektif yang baharu kepada kajian manhaj akidah, fiqah, dan tasawuf Tarekat Aḥmadiyyah yang sedia ada.

## BIBLIOGRAFI

- Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī. *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ (Ṣaḥīḥ Muslim)*. Beirut: Dār Ṭawq al-Najāh, 1433H.
- Aḥmad ibn Idrīs. *Aḥzāb wa Awrād al-Imām Aḥmad ibn Idrīs: Ahzab & Aurad Imam Ahmad ibn Idris*. Terjemahan oleh Muhammad Fuad Kamaludin. Ampang: Institut Imam Ahmad ibn Idris, 2024.
- Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin ‘Ismā‘īl bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah ibn Bardizbah al-Bukhārī al-Ja‘fī. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār Ṭawq al-Najāh, 1422H.
- Al-Idrīsī, Aḥmad bin Muṣṭafā al-Idrīsī. *Tokoh Ulama’ Sufi Imam Ahmad ibn Idris*. Terjemahan oleh Muhammad Fuad Kamaludin. Ampang: Institut Imam Ahmad ibn Idris, 2023.
- Al-Ja‘farī, Ṣāliḥ bin Muḥammad al-Ja‘farī. *al-Ilhām al-Nāfi‘ li-Kulli Qāṣid ‘ala Risālat al-Qawā‘id: Ilham Bermanfaat bagi Setiap yang Berhasrat Memahami Risalah Qawa‘id Sayyidi Ahmad ibn Idris*. Terjemahan oleh Muhammad Fuad Kamaludin. Rembau: Institut Imam Ahmad ibn Idris, 2021
- Al-Khalidi, Jahid Sidek al-Khalidi. *Shaikh dalam Ilmu Tariqah*. Cheras: al-Falah Publications Sdn. Bhd., 2015.
- Al-Rashīd, Ibrāhīm al-Rashīd. *Iqd al-Durr al-Nafīs fī Ba‘d Karāmāt Sayyidinā wa Mawlānā Aḥmad ibn Idrīs Qaddasa Allāh Sirrahu: Untaian Permata Berharga pada Sebahagian Karamah Sayyid Ahmad Ibn Idris Semoga Allah Mensucikan Sirnya*. Terjemahan oleh Muhammad Fuad Kamaludin. Ampang: Institut Imam Ahmad ibn Idris, 2024.
- Che Zarrina Sa’ari. “Biografi Shaikh Ahmad b. Idris dan Sumbangannya terhadap Alam Kesufian.” *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 1, no. 1 (2000).
- Hamdan Hassan. *Tarekat Ahmadiyah di Malaysia: Suatu Analisis Fakta secara Ilmiah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990.
- Ibn al-Athīr, Mujīd al-Dīn Abū al-Sa‘ādāt al-Mubārak bin Muḥammad ibn al-Athīr. *Jāmi‘ al-Uṣūl fī Ahādīth al-Rasūl*. t.tp.: Maktabah al-Ḥalwānī, Maṭba‘ah al-Mallāḥ, Maktabah Dār al-Bayān, 1979.
- M. Tatam Wijaya. “Mengenal Tasawuf Amali dan Falsafi (2).” NU Online (Nahdlatul Ulama Indonesia), 19 January 2023. <https://islam.nu.or.id/tasawuf-akhlak/mengenal-tasawuf-amali-dan-falsafi-2-QSZEJ>.
- Mālik bin Anas. *al-Muwatta’*. Abu Dhabi: Mu’assasat Zāyid bin Sulṭān Āl Nahyān lil-A‘māl al-Khayriyyah wa al-Insāniyyah, 2004.
- Masyakhah Tarekat Ahmadiyah Idrisiah Asia. “Imam Ahmad ibn Idris Menjadikan al-Quran dan Hadith sebagai Aurad Utama Tarekat.” Facebook, 13 September 2019. [https://www.facebook.com/tarekatidrisiah/photos/a.187273288698227/524992931592926/?type=3&\\_rdr](https://www.facebook.com/tarekatidrisiah/photos/a.187273288698227/524992931592926/?type=3&_rdr).
- Mohammad Fahmi Abdul Hamid. “Analisis Hadith Mengenai Zikir dalam al-Kutub al-Sittah: Pengamalan dalam Majlis Zikir Tarekat Tasawuf di Negeri Sembilan.” Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, 2019.
- Muhadir Joll. *Nūr al-Fahm: Nur al-Fahmi Cahaya Kefahaman Asas-Asas Fardhu Ain Merangkumi Ilmu Tauhid, Feqah & Tasawuf*. Petaling Jaya: Galeri Ilmu Sdn. Bhd., 2023.
- Muhamad Zahir Abu Bakar and Rosnah Ishak. “Pelaksanaan Komuniti Pembelajaran Profesional: Suatu Kajian Sorotan Literatur Bersistemik.” *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 10, no. 4 (2023): 76–90.
- Muhammad Fuad Kamaludin. *al-Fuyūḍāt al-Muḥammadiyah ‘alā al-Ṭarīqah al-Aḥmadiyah: Limpahan Muhammadiyah ke Atas Tarekat Ahmadiyah*. Rembau: Institut Imam Ahmad ibn Idris, 2022.

- . *al-Khulāṣah fī al-Awrād al-Aḥmadiyyah: Khulasah Aurad Ahmadiyah: Amalan Siang & Malam Tarekat Ahmadiyah Muhammadiyah*. Rembau: Institut Imam Ahmad ibn Idris, 2021.
- . *al-Minḥah al-Aḥadiyyah fī Muqaddimah al-Durrah al-Fardiyyah: Anugerah Maha Esa pada Muqaddimah Permata Unggul*. Ampang: Institut Imam Ahmad ibn Idris, 2024.
- . *al-Sa'ādah al-Abadiyyah fī al-Ijāzāt al-Aḥmadiyyah: Kebahagiaan Abadi pada Ijazah Ahmadiyah*. Ampang: Institut Imam Ahmad ibn Idris, 2024.
- . *Min Turāth al-Imām Aḥmad ibn Idrīs*. Ampang: Institut Imam Ahmad ibn Idris, 2023.
- . *Tuḥfat al-Sālikīn bi-Ṭarā'iq al-Arba'īn: Bingkisan Para Salik dengan 40 Tarekat*. t.tp.: Institut Imam Ahmad ibn Idris, 2022.
- Muḥammad 'Alī Aḥmad 'Alī. “al-Ṣifāt wa Mawqif al-Imām Aḥmad ibn Idrīs minhā.” *Majallah Kuliyyah al-Adāb bi-Qanā* 32, no. 58 (2023): 1080–1114.
- R. S. O'Fahey. *Enigmatic Saint: Ahmad ibn Idris and the Idrisi Tradition*. Illinois: Northwestern University Press, 1990.
- Syed Hadzrullathfi Syed Omar. “Dimensi Baru dalam Amalan Rabitah Tokoh Sufi Kontemporari Malaysia.” *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 5, Keluaran Khas (2014): 125–134.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. *Some Aspects of Sufism: As Understood and Practised Among the Malays*. Kuala Lumpur: Ta'dib International Sdn. Bhd., 2020.
- W. Mohd Azam Mohd Amin. “Reforming Sufism in Malaya: The Teachings of Tuan Tabal and His Followers.” *Intellectual Discourse* 21, no. 1 (2013): 87–107.
- 'Abd al-Qādir 'Isā. *Ḥaqā'iq 'an al-Taṣawwuf*. Kaherah: Dār al-Muqattam, 2013.